
FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KERUNTUHAN SAHSIAH REMAJA ISLAM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

Wan Abdul Fattah Wan Ismail^{1*}, Ahmad Syukran Baharuddin¹, Lukman Abdul Mutalib¹, Nik Salida Suhaila Nik Saleh¹, Zulfaqar Mamat¹, Zuriatunfadzliah Sahdan², Syh Noorul Madihah Syed Husin³, Mohamad Aniq Aiman Alias¹, & Nurul Syazwani Abdullah Kahar¹

- ¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
²Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak
³Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu

*(Corresponding author) email: wanfattah@usim.edu.my

ABSTRAK

Remaja merupakan aset yang amat penting bagi menjamin kemajuan dan kekuatan sesebuah masyarakat dan negara. Justeru itu, golongan remaja ini perlulah digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik untuk melahirkan satu model yang ideal dan berkualiti pada masa akan datang. Sungguhpun begitu, keterlibatan remaja-remaja Islam di Malaysia dalam perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah seperti seks bebas merupakan suatu perkara yang amat membimbangkan dan perlu dipandang serius oleh semua pihak. Kenyataan ini bukanlah satu lontaran kosong untuk menakutkan mana-mana pihak semata-mata, bahkan ia disokong oleh bukti-bukti penyelidikan yang telah dibuat oleh pelbagai pihak. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada keruntuhan sahsiah remaja Islam di Malaysia? Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan faktor-faktor yang telah menyumbang kepada remaja Islam terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah. Selain itu, penyelidik juga turut mencadangkan beberapa cadangan yang boleh dibuat bagi mengurangkan kes-kes sebegini. Kertas kerja ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual dengan beberapa pusat perlindungan dan responden-responden yang terpilih di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan remaja Islam terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah. Faktor-faktor yang dimaksudkan ialah kurang didikan agama, kegagalan institusi rumah tangga, tahap pendidikan yang rendah, dorongan rakan sebaya, teknologi yang berleluasa dan pergaulan bebas. Diharapkan dengan pendedahan awal mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada keruntuhan sahsiah remaja Islam di Malaysia, kes-kes sebegini akan dapat dikesan dan dibasmi lebih awal oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Kata kunci: Remaja, faktor-faktor, keruntuhan sahsiah, Islam, Malaysia

PENGENALAN

Bagi memastikan kegemilangan sesebuah negara, golongan remaja khususnya perlulah digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik untuk melahirkan satu model yang ideal dan berkualiti sesuai dengan cita-cita murni dan aspirasi negara (Puteh, 2001). Hal ini kerana, remaja merupakan salah satu aset yang terpenting bagi menjamin kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Sayidina Ali ra juga pernah berkata:

“Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini”.

(Sayidina Ali R.A)

Daripada kata-kata Sayidina Ali ra telah menunjukkan bahawa, jatuh banggunya sesebuah negara terletak di tangan remaja masa kini kerana merekalah waris kepimpinan negara pada masa akan datang. Sungguhpun begitu, dengan perkembangan sains dan teknologi yang semakin membangun, remaja khususnya semakin tidak memahami apakah tujuan mereka diciptakan sebagai manusia sehingga ramai yang terjebak ke lembah gejala sosial yang tidak bermoral. Dewasa kini, rutin harian remaja dilihat telah banyak berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang sangat ketara, aktiviti berfoya-foya dan bersuka ria di kelab malam menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya, berlakulah seks rambang. Ditambah lagi dengan budaya barat yang tidak henti-henti meluru masuk ke dalam kehidupan kita, seolah-olah mahu membunuh jiwa mereka dengan fahaman hedonisme, sekularisme, liberalisme dan bermacam-macam lagi. Mereka diburu dari segenap arah; pemikiran, pakaian, pergaulan, hiburan dan cara hidup (Wan Ismail *et al.*, 2020).

Akhirnya, perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah seperti pergaulan bebas, aktiviti pelacuran dan zina dilihat amat membimbangkan. Di negara Malaysia, statistik yang direkodkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) daripada tahun 2008 hingga 2010 ialah seramai 152,182 orang anak luar nikah telah dicatatkan. Data ini menunjukkan bahawa, peningkatan lebih sekali ganda daripada data sebelumnya (Wan Ismail *et al.*, 2020).

Statistik kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Malaysia (JPN) pada tahun 2016 pula adalah berjumlah seramai 159,725 orang (Berita Harian, Selasa, 13 September 2016: Anak Tak Sah Taraf Didaftar Sejak 2013: Sophia Ahmad). Persoalan timbul, apakah faktor-faktor yang menyebabkan remaja-remaja ini terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah seperti pelacuran, zina dan seumpamanya ini? Maka kertas kerja ini akan membincangkan secara terperinci berkenaan faktor-faktor tersebut agar semua pihak tidak memandang enteng berkenaan isu ini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi memainkan peranan penting dalam sesebuah perancangan dan perjalanan kajian. Ia menentukan dan membimbing kajian supaya tetap berada pada landasan bagi mencapai objektif kajian (Baharuddin, 2017). Untuk itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual dengan beberapa pusat perlindungan dan responden-responden yang terpilih di Malaysia. Kaedah temu bual separa berstruktur telah dilaksanakan terhadap peserta kajian dalam kalangan remaja terlanjur dan juga pihak

berkepentingan yang mengendalikan remaja terlanjur di pusat transit mereka. Antara pihak yang terlibat adalah seperti pengetua, penasihat agama, pekerja sosial dan penyelia pusat jagaan remaja. Hasil temu bual ini secara tidak langsung dapat mendedahkan berkenaan faktor-faktor yang menyebabkan remaja-remaja Islam khususnya terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Remaja-Remaja Islam Terjebak Dengan Perkara-Perkara Yang Meruntuhkan Sahsiyah

Secara umumnya, terdapat banyak faktor yang telah menyumbang kepada keruntuhan sahsiah remaja Islam di Malaysia. Hasil temu bual bersama peserta kajian dari pusat perlindungan yang terpilih, terdapat enam tema utama faktor-faktor yang menyebabkan remaja-remaja terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah seperti kurang didikan agama, kegagalan institusi rumah tangga, tahap pendidikan yang rendah, dorongan rakan sebaya, teknologi yang berleluasa dan pergaulan bebas yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.



Rajah 1: Faktor-faktor yang menyebabkan remaja-remaja terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah

Kurang Didikan Agama

Pertama sekali ialah kurangnya didikan agama. Agama adalah tunjang dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana, nilai agamalah yang akan memandu mereka ke jalan yang benar dan menghalang

mereka dari jatuh ke lembah kebinasaan. Tanpa agama, manusia akan terpesong dan akan menatijahkan situasi sosial yang amat parah (Baharuddin *et al.*, 2020). Dalam hasil temubual bersama peserta kajian, faktor-faktor remaja yang terlibat dengan aktiviti yang meruntuhkan sahsiah mereka biasanya mempunyai latar belakang keluarga yang kurang memberi didikan agama kepada anak-anak mereka. Kenyataan ini dinyatakan oleh seorang Pegawai Kerja Sosial Perubatan yang kami namakan sebagai Pegawai A, iaitu:

Pegawai A: ...*Kebanyakan mereka, pertama nya dari segi didikan agama yang kurang. Yang keduanya, kelemahan diri dia sendiri. Dan yang ketiganya, mudah terpengaruh.*

Ini menunjukkan bahawa, faktor-faktor yang membawa remaja terlibat dengan perkara yang meruntuhkan sahsiah mereka adalah disebabkan kurangnya didikan agama dalam diri mereka. Pegangan agama yang longgar atau kurang menitikberatkan kehidupan beragama dalam kehidupan mereka akan memberi kesan secara langsung kepada mereka khususnya dari segi sahsiah dan jati diri. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ۚ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ بِحَوْلِ بَيْنِ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿24﴾

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, sabut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasulnya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan*”.

(Surat Al-'Anfāl 24)

Ayat ini memerintahkan kepada semua orang yang beriman supaya menyahut seruan Allah SWT dan Rasulullah SAW yang mengetengahkan konsep hidup bersyariat. Ini kerana kemuncak hidup yang paling tinggi ialah beriman kepada Allah SWT, dan setiap apa yang dilakukan mestilah atas tujuan yang diizinkan oleh Allah SWT. Oleh itu, sekiranya golongan muda kurang mendapat didikan agama, mereka akan hilang arah dan mudah terlibat dengan aktiviti yang merosakkan sahsiah mereka. Mereka seharusnya didedahkan dengan nilai-nilai agama sebanyak mungkin. Kepentingan agama itu sendiri boleh dikatakan mendorong kehidupan manusia ke arah kehidupan yang sejahtera. Tanpa pegangan agama, seseorang itu akan hilang pedoman dan pengenalan diri dalam kehidupan dunia yang penuh cabaran.

Tanpa pegangan agama, seseorang akan hilang panduan dan jati diri dalam menempuh kehidupan dunia yang mencabar. Pegangan agama yang longgar atau tidak menitikberatkan kehidupan beragama dari ibu bapa akan memberi impak secara langsung kepada anak mereka khususnya dari segi sahsiah dan jati diri. Hal ini juga turut disokong oleh kajian yang dibuat oleh Phares dan Compas (1992) di mana mereka mendapati bahawa, ibu bapa didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama.

Kegagalan Institusi Rumah Tangga

Selain itu, institusi rumah tangga juga turut memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak mereka dengan teras agama yang kukuh. Hal ini kerana, ibu bapalah yang akan mencorak kehidupan anak-anak dan keluarga mereka. Sungguhpun begitu, ibu bapa kebanyakannya malu atau ambil ringan untuk berbincang dengan anak mereka mengenai isu akil baligh seperti perubahan fizikal, emosi dan minda.

Kesannya, inilah yang menjadi punca kepada kecelaruan dan permasalahan anak kerana mereka tidak difahami, dibimbing dan dididik dengan sebaiknya mengenai fasa peralihan ke alam dewasa. Di peringkat usia inilah bermulanya bibit tarikan seksual dan perasaan ingin mencuba. Tanpa informasi dan kawalan daripada ibu bapa, maka remaja akan mudah dibawa kemudatan dan seterusnya terjerumus dalam aktiviti yang tidak bermoral ini. Justeru itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan yang penting dalam mencorak pembentukan jati diri anak-anak mereka. Peranan penting ini tidak boleh diabaikan kerana kegagalan asas dalam kehidupan seorang manusia banyak bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh ibu bapa. Sebagaimana Sabda Nabi Muhammad SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ".

Maksudnya: "Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua ibubapanyalah yang mencorakannya menjadi yahudi atau nasrani atau majusi".

(Hadis riwayat al-Bukhari 1385)

Hadis ini menunjukkan bahawa, kegagalan institusi kekeluargaan itu akan menyebabkan berlakunya masalah keruntuhan sahsiah dalam kalangan para remaja Muslim. Selain itu, faktor perceraian dan kerapnya berlaku pergaduhan antara ibu bapa juga akan mengakibatkan kurang komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak, serta kurang pengawasan terhadap anak-anak, sehingga anak-anak tidak merasai kasih sayang ibu bapa mereka. Faktor perceraian secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pengabaian peranan ibu bapa. Dengan ini, remaja dibesarkan oleh ibu bapa yang telah berpisah berada dalam keadaan serba kekurangan. Menurut salah seorang responden iaitu Pengetua di salah sebuah pusat transit terlanjur di Malaysia (dinamakan sebagai Pegawai B), makan minum dan pendidikan anak kebiasaannya terabai apabila penjaga yang bercerai mempunyai masalah jenayah dan peranan ibu bapa dipindahkan kepada penjaga lain yang telah berusia:

Pegawai B: Kebanyakan latar belakang kes ibu bapa bercerai, dengan peranan ibu bapa tu tiada, tu yang menyebabkan berlakunya kes-kes perzinaan ataupun terlanjur. Saya ambil satu kisah, ibu bapa bercerai. Bapanya pernah masuk keluar penjara, terlibat dengan dadah, so si remaja tersebut dijaga oleh nenek yang sudah tua. Macam orang kata, dia tak pergi ke sekolah, makan minum pun tak tentu...Apabila keadaan tu berlaku, yang menyumbang kepada faktor ini lah faktor hubungan bebas boleh dikatakan menyumbang lah.

Ini menyebabkan anak-anak mereka berasa bebas dan tiada kawalan yang sewajarnya dari ibu bapa mereka. Natiujahnya, mereka boleh berbuat apa-apa tanpa perhatian daripada ibu bapa mereka termasuklah terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah mereka sendiri.

Tahap Pendidikan Rendah

Yang ketiganya adalah faktor pendidikan. Hasil daripada temu bual juga, peserta kajian turut menjelaskan bahawa tahap pendidikan rendah salah satu faktor menyumbang kepada zina dan turut menyumbang kepada peratusan remaja terlanjur makin bertambah. Pendidikan sangat penting dalam membentuk seseorang untuk bertindak dengan lebih baik. Sebagaimana menurut salah seorang Pengetua di pusat transit lain (dinamakan sebagai Pegawai C).

***Pegawai C:** Okay, daripada 14 kes, saya tengok tu kan, ada 4 kes yang memang kurang membaca, mengira. Ia memang ada. Ambil satu contoh, memang dijumpai di bawah jambatan tiada tempat tinggal faktor pendidikan bila mereka masuk ke sini. Alhamdulillah kita boleh ajar mereka juga boleh get long dalam masa 4 bulan macam tu memang tu ada menyumbang dalam 14 kes ada 2 kes kedua yang biasa lah orang kata yang biasa SPM baru-baru ni ada yang dapat target 6 8 orang lah jadi faktor pendidikan tu menyumbang lah baru diorang tahu baca ayat.*

Ini menunjukkan bahawa pendidikan telah menjadi asas untuk melahirkan remaja yang berilmu dan berfikir. Melalui pendidikan, ia nya juga dapat melatih mereka untuk mempunyai tahap pemikiran yang matang dan jati diri yang kuat, dan membantu mereka membuat semua tindakan dan keputusan dengan tepat. Melalui pendidikan yang baik, sama ada di sekolah formal atau tidak formal di rumah, golongan muda boleh berfikir secara rasional tentang baik buruk sesuatu perkara. Menurut Stodgil (1970), cara kanak-kanak dibesarkan dan dijaga di rumah tidak dapat dipisahkan dengan masalah salah laku yang berlaku. Sikap ibu bapa dalam bentuk penekanan dapat mempengaruhi keperibadian atau perkembangan keperibadian anak, serta aspirasinya.

Hasil kajian mendapati rata-rata remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan sahsiah seperti seks bebas adalah mereka yang dari golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Mereka tidak berpeluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi disebabkan kurang berminat atau galakan daripada ibu ayah sendiri. Terdapat juga remaja yang terpaksa berhenti sekolah kerana masalah kewangan keluarga, dan terpaksa bekerja pada usia muda. Natiujahnya, kurangnya nilai pengetahuan dalam diri mereka membawa mereka kepada perkara-perkara yang boleh meruntuhkan sahsiah mereka seperti seks bebas.

Dorongan Rakan Sebaya

Selain itu, faktor rakan sebaya juga turut menyumbang kepada keruntuhan sahsiah remaja Islam. Kenyataan ini disokong oleh peserta kajian di mana mereka menjelaskan bahawa, pengaruh rakan adalah punca utama yang membawa kepada zina. Ini merangkumi rakan yang mereka kenali di sekolah, media sosial, tempat kerja dan di kawasan tempat tinggal mereka. Rakan ini mengajak mereka untuk melakukan perhubungan tanpa batasan antara lelaki dengan perempuan. Sebagaimana menurut Pegawai A:

***Pengkaji:** Okay terima kasih. Kebanyakan remaja bok terlanjur tu, jumlah umur dio tu berapa?*

***Pegawai A:** Dio gini, kadang-kadang peringkat awal pun ada. Peringkat awal nih, peringkat lepas kanak-kanak tu dalam 13 atau 14 tahun pun dah ada. Biasa kalau 13-14 tahun ni, faktor rakan sebaya atau rakan sekampung.*

Tambahan lagi, petikan di atas disokong oleh salah seorang peserta kajian (remaja yang terlibat dengan zina) seperti yang dinyatakan di bawah:

Pengkaji: *Oh...lepas tu macam mana boleh start jadi berubah tu sebab ada kawan-kawan ke...*

Peserta kajian: *Haah, dari sekolah la saya berubah.*

Pengkaji: *Oh sebab ada... ada...apa sebab, awak rasa sebab kawan tu pengaruh tak baik ke ataupun sebab silap pilih kawan ke? Atau kawan tu perdayakan ke? Macam mana?*

Peserta kajian: *Tersilap pilih kawan la.*

Hasil kajian menunjukkan, pengaruh rakan sebaya memberi kesan yang cukup besar kepada remaja untuk terjebak dengan perkara-perkara yang boleh meruntuhkan sahsiah mereka seperti berzina. Oleh itu, pemilihan rakan adalah sangat penting kerana diriwayatkan dalam hadis Rasulullah SAW:

يَحْشُرُ الْمَرْءَ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ، فَلْيَنْظُرْ أَحَدَكُمْ مِنْ يَخَالِلِ

Maksudnya: *“Seseorang manusia akan dibimpunkan menurut agama temannya, maka kamu hendaklah melihat siapakah orang yang menjadi temanmu”.*

(Riwayat at-Tirmizi)

Diriwayatkan juga dalam sebuah hadis yang lain,

لَا تَصْحَبْ إِلَّا مُؤْمِنًا، وَلَا يَأْكُلْ طَعَامَكَ إِلَّا تَقِيًّا

Maksudnya: *“Jangan berteman kecuali dengan orang Mukmin, dan janganlah ada orang yang menjamah makananmu kecuali orang yang bertakwa”.*

(Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)

Berdasarkan hadis ini, pentingnya untuk kita memilih orang yang kita hendak jadikan sebagai kawan. Hadis ini menyuruh kita untuk mencari kawan dengan orang yang mampu memberi guna pada agama kita dan jika kawan kita memudaratkan kita ke arah yang buruk, hendaklah kita menjauhi mereka. Hal ini demikian kerana, sangatlah penting khususnya bagi remaja untuk memilih kawan dengan sebaik yang mungkin kerana mereka adalah golongan yang terdekat dengan remaja selepas keluarga.

Teknologi yang Berleluasa

Selain itu, teknologi merupakan salah satu faktor yang sangat kuat yang mendorong remaja ke arah perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah (Noor Zainan *et al.*, 2021). Hal ini demikian kerana, dengan hanya menggunakan telefon pintar atau telefon bimbit yang dilengkapi dengan kemudahan akses internet sahaja, para remaja boleh mengakses apa jua maklumat termasuklah bahan pornografi. Penyelidik dapati bahawa, bahan lucah amat mudah diperolehi dan sangat mudah dikongsikan dengan perisian sistem YouTube, Google, Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan lain-lain perisian yang sedia ada dalam sistem telefon pintar masa kini. Bahan lucah yang mudah

diakses dengan menggunakan internet ini secara tidak langsung memberi kesan kepada para remaja terlibat dengan perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah. Keterujaan melihat bahan lucah yang sangat mudah diakses memberi dorongan yang kuat kepada peniruan tingkah laku dan menjerumuskan pelajar melakukan sesuatu di luar batasan.

Dalam internet juga, semua benda boleh dilayari tanpa tapisan dan batasan. Maka, disebabkan inilah remaja sekarang boleh mengakses apa-apa sahaja di dalam internet termasuklah video-video pornografi (Abd Razak, 2011). Kenyataan ini disokong oleh Penasihat Agama di salah satu pusat transit (dinamakan sebagai Pegawai D) turut menegaskan bahawa teknologi membolehkan anak-anak ini mudah mengakses maklumat dengan begitu mudah. Peserta juga menyatakan bahawa telefon merupakan peranti mudah alih yang mendorong mereka menghubungi pasangan dengan mudah jika ianya tidak dikawal.

Pegawai D: *Disebabkan nafsu, dan masalah media sosial sekarang ni. Masa dulu, zaman saya budak-budak dulu, masa Mahaad, nak jumpa tu, sangat payah lelaki, perempuan. Tapi sekarang ni, dengan sekali tick sahaja di telefon, banyak bok boleh tengok. Sebab tu, memang berat. Sebab telefon lah ramai budak bok rosak, budak-budak muda loni. Kemudian, saya ada satu kes ni, seorang remaja. Saya check telefon dia. Kita check dia punya WhatsApp, penuh dengan group pergaulan bebas, status seks bebas, ada gambar-gambar lucah, lepas tu pula ada video-video porno yang dikongsi kan. Tapi kadang-kadang, ibu bapa ni ketinggalan zaman. Jadi perkembangan anak-anak dia tak ambil tahu sangat. Anak-anak yang lebih pandai daripada ibu bapa. Jadi dia pandai susuk. Saya ambil contoh lah, dia buat masuk dalam memori kecil tu jah. Bila kecil, memori tu dia boleh sembunyikan je dan bila ayah dia check telefon dia, tak akan jumpa. Dia masuk balik dan "on" kan balik. Jadi ada juga lagu tu. Sebenarnya bagi saya, 90% kerosakan remaja zaman sekarang ni disebabkan telefon.*

Tambah beliau juga,

Pegawai D: *Ya. Penggunaan teknologi. Semua remaja dia macam ni lah prof, orang malu nak bersuara untuk bercakap sayang ataupun kita kata, dia masih lagi ada perasaan malu tu. Tapi apabila kita mulakan teknologi, dia hanya boleh menaip sahaja dan bukan berkata. Kalau zaman dulu, orang malu untuk berkata atau melibat dengan mata tapi dengan tangan (telefon) orang tidak ada perasaan malu. Dia hanya boleh menaip dengan tulisan sahaja. Mengarang, gambar yang dibantar kemudian buat video call. Jadi benda tu, boleh berlaku dalam bilik sahaja! Sebab tu, kalau dulu memang lah, sebab kita kata, kita boleh tengok bezza keadaan dulu dengan keadaan sekarang. Ya, ia cukup berbeza. Dulu memang lah kita kata, nak boleh ko jumpa atau nak pegang tangan pun, susah.*

Impak daripada pengaruh media sosial yang tidak bertanggungjawab ini, boleh mempengaruhi golongan remaja untuk melakukan sesuatu yang tidak bermoral melalui penyiaran filem dan gambar berunsur lucah (Abdullah, 1998). Selain itu, menurut Gan (2007), penulis cuba mengenal pasti pengaruh internet terhadap keruntuhan sahsiah remaja Islam. Dapatan kajiannya menerangkan penyalahgunaan terhadap internet menyebabkan kepincangan dan keruntuhan sahsiah melanda golongan remaja pada masa kini. Pelbagai perkara yang tidak baik akan berlaku seperti mencuri, merompak, rogol, berzina, terlibat kegiatan samseng, ponteng sekolah dan sebagainya.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPKM) (2014) turut menjelaskan bahawa lebih satu pertiga (35.3%) remaja terdedah dengan 60% bahan

pornografi daripada Internet. Paling menyedihkan, kadar peratusan mereka yang didedahkan dengan bahan-bahan lucu ini terdiri dari kalangan remaja iaitu mereka yang berumur antara 18-24 tahun mencatat 42.8 peratus peratusan yang lebih tinggi manakala remaja berumur antara 13-17 tahun, iaitu dengan hanya mewakili 29.9 peratus. Kesan daripada pendedahan yang melampau ini menjadi faktor utama mengapa mereka melakukan zina dan terlibat dalam kes rogol. Maka, jelaslah menunjukkan bahawa, faktor teknologi juga turut menyumbang kepada membawa kepada keretakan sahsiah remaja sekiranya tidak diurus dengan baik.

Pergaulan Bebas

Pergaulan tanpa batas dan bebas ini sangat berleluasa di kalangan remaja. Kebanyakan mereka terikut dengan ajakan rakan-rakan. Salah seorang penyelia di pusat transit yang saya namakan sebagai Pegawai E juga setuju bahawa remaja terlanjur ini terjebak kerana pergaulan yang bebas.

***Pegawai E:** Dia ada beberapa remaja jugak la, memang dia biasa clubbing. Dia memang ada parti dia, parti sosial. Dia macam taktau la liar kea pa, tapi dia ada group dia yang diaorang memang terlibat la.*

***Pengkaji:** Dan bila terlibat dengan parti tu biasanya membawa kepada zina la? Aktiviti tersebut. Tu keseronokan yang melampau la. Ada yang macam minum arak dan membawa kepada zina, ada tak yang kongsi begitu?*

***Pegawai E:** Ada jugak la yang mengaku yang dia minum arak la.*

Selain itu peserta kajian iaitu Pegawai A juga ada mengatakan bahawa budaya meraikan hari-hari perayaan seperti melakukan zina tanpa mengira batas pergaulan yang mana peratusan remaja terlanjur akan meningkat pada waktu tersebut. Ini seperti di dalam petikan di bawah:

***Pengkaji:** Dari segi sosial, kebanyakan kes-kes melonjak naik biasanya musim mana?*

***Pegawai A:** Dia mungkin pada musim contohnya, musim perayaan lah bok kita akan sentuh macam saya di Johor dulu, seperti ada hari holiday ke hari merdeka ke. Contoh lah, dia boleh jadi dia keluar sampai lewat malam. Kita akan sukut pada 31 Ogos tu tunggu selepas daripada 9 bulan dia akan ado. Kebanyakan hari merdeka, hari kekasih akan banyak terjadi.*

Pergaulan bebas seseorang remaja dengan kawan-kawan yang rosak dengan aktiviti bermasalah seksual sama ada kawan lelaki atau perempuan merupakan antara faktor mereka remaja ini terjebak pula dengan aktiviti seksual yang menyimpang ini. Hasil kajian mendapati remaja yang terlibat dengan gejala seks bebas ini sehingga lahirnya anak luar zina adalah mereka yang melakukan hubungan seks bebas tanpa kawalan. Tidak kurang juga, sebahagian mereka yang mengambil minuman yang memabukkan dan barang yang terlarang seperti dadah dan pil khayal yang membuka ruang yang amat besar kepada gejala seks bebas ini.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, gejala seks bebas sangat berleluasa khususnya dalam kalangan remaja sehingga melahirkan ramai anak zina. Hal ini demikian kerana, remaja amat mudah terjebak dengan

masalah seks disebabkan berlaku proses perubahan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Pada fasa ini juga, emosi remaja agak tidak stabil sehingga mereka mudah terdorong dengan dorongan ke arah memenuhi keinginan seks. Masalah yang paling utama daripada runtuhnya sahsiah remaja itu sendiri ialah masalah seksual remaja disebabkan oleh kesediaan remaja itu sendiri terhadap kesan daripada aktiviti seks tersebut sedangkan mereka masih lagi tidak bersedia daripada segi fizikal, mental, dan ekonomi. Hasil daripada penelitian, para penyelidik telah menemukan beberapa faktor yang mendorong kepada runtuh sahsiah remaja kerana aktiviti seks bebas dan sebagainya. Maka, faktor-faktor tersebut menunjukkan bahawa ia telah mempengaruhi seseorang terlibat dengan perbuatan meruntuhkan sahsiah mereka seperti berzina dan pergaulan bebas sehingga melahirkan anak zina yang dikategorikan sebagai anak tak sah taraf. Antara faktor yang menyumbang kepada runtuhnya sahsiah remaja ialah disebabkan kurangnya didikan agama, kegagalan institusi rumah tangga, tahap pendidikan yang rendah, dorongan rakan sebaya, teknologi yang berleluasa dan pergaulan bebas. Faktor-faktor ini bukan sahaja menjadi punca kepada runtuhnya sahsiah remaja kerana terlibat dalam masalah seks bebas sehingga melahirkan anak tak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, bahkan ia turut menjadi punca utama kepada masalah sosial yang lain. Justeru itu, semua pihak perlulah mengorak langkah memainkan peranan masing-masing dalam membendung faktor-faktor ini daripada akar umbi agar masalah ini dapat dikurangkan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) di atas sokongan yang diberikan melalui geran “Pembinaan Modul Sahsiah Remaja Islam Terlanjur Di Negeri Terengganu” (USIM/TSIS/FSU/LUAR-S/41321).

RUJUKAN

Al-Quran.

Abd Razak, N. H. (2011). *Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Abdullah @ Kassim Mohamad. (1998). *Impak Media Ke Atas Remaja: Satu Analisis Program Maklumat Hiburan di Media Massa*. Biro Penyelidikan dan Perundingan Institut Teknologi MARA.

Baharuddin, A. S. (2017). *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarimah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Mutalib, L. A., Abdul Shukor, S., Nik Saleh, N. S. S., & Mamat, Z. (2020). *Faktor-Faktor Penyumbang Kadar Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Tinjauan Saranan dari Al-Quran dan Al-Sunnah*. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 515-529.

Bamford, David, Trevor C.W. Farrow, Michael Karayanni, Erik S. Knutsen, Shirley Shipman, and Beth Thornburg. 2013. "Learning the 'How' of the Law: Teaching Procedure and Legal Education." *Osgoode Hall Law Journal*, 51(1):45-91.

-
- Gan, K. M. (2007). *Kajian Kes Perogol Di Penjara Negeri Kedah Dan Perak*. Tidak Diterbitkan. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- KKPM, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat. (2014). *Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat.
- Noor Zainan, N. I., Ab Rahman, N. H. A., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Mustafa @ Busu, Z., Yusoff, Z., & Ab Rahman, S. (2021). *Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal*. Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021), 98-103.
- Phares, V., & Compas, B. E. (1992). The Role of Fathers In Child and Adolescent Psychopathology: Make Room for Daddy. *Psychological Bulletin*, 111, 387-412.
- Puteh, A. (2001). *Perkembangan dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam*. Kajian Malaysia, Jld. XIX, No. 2, Disember 2001.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Abdul, L. A., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., & Nik Salleh, N. S. S. (2020). *Faktor dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sab Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia*. International Seminar on Syariah and Law (INSLA) E-Proceedings, (3)1, 136-146.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., & Abdul Shukor, S. (2020). A Comparative Study of The Illegitimate Child Term from Shariah and Malaysia Legal Perspective. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(4), 101-109. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8412>

Temubual

- Temu bual bersama Penasihat Agama di Rumah Generasiku Sayang.
- Temu bual bersama Pegawai Kerja Sosial Perubatan di Rumah Generasiku Sayang.
- Temu bual bersama Pengetua Sekolah Tunas Bakti Marang.
- Temu bual bersama Pengetua Taman Seri Puteri Kuching.
- Temu bual bersama Penyelia Sekolah Harapan Jasin.
- Temu bual bersama peserta kajian.